

Pendidikan Kesehatan dan Jasmani: Satu Pernyataan Konsensus Sejagat Baru

Christopher R. Edginton, Ph.D.

Professor

School of Health, Physical Education and Leisure Services

University of Northern Iowa

Cedar Falls, Iowa USA

Ming-kai Chin, Ph.D.

Vice President of Global Affairs and Research

HOPSports, Inc.

Valencia, California USA

Eng Hoe Wee, Ph.D.

Associate Professor

Sport and Exercise Science Program

School of Arts and Science

Tunku Abdul Rahman College

Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author:

Eng Hoe Wee, Ph.D.

Associate Professor

Sport and Exercise Science Program

School of Arts and Science

Tunku Abdul Rahman College

Kuala Lumpur, Malaysia

Email: weenghoe@gmail.com

Pendidikan Kesehatan dan Jasmani: Satu Pernyataan Konsensus Sejagat Baru

Pengenalan

Perubahan yang ketara di dalam pendidikan jasmani telah berlaku dalam masa 40 tahun dengan transisi daripada orientasi tradisional kemahiran sukan kepada penekanan yang lebih luas ke atas kecergasan berasaskan kesihatan dan aktiviti fizikal sepanjang hayat. (Bocarro et al., 2008; Jago et al., 2009; McKenzie & Kahan, 2008). Namun, di merata dunia, program-program pendidikan jasmani sedang dikurangkan, dihadkan dan/atau sewenang-wenangnya dihapuskan daripada kurikulum sekolah rendah dan menengah (Hardman & Marshall, 2009; Puhse & Gerber, 2005). Adalah bertambah jelas bahawa nilai program-program pendidikan jasmani sedang diuji di seluruh dunia.

Di dalam zaman dengan tanggungjawab yang bertambah, kekurangan langkah-langkah yang berkesan untuk mendemonstrasikan kepentingan pendidikan jasmani di dalam pembangunan pelajar adalah satu cabaran yang serius terhadap masa hadapan profesion (Lund & Kirk, 2010). Menghubungkan kebaikan dan hasil pembelajaran pendidikan jasmani kepada bidang-bidang teras pembelajaran abad ke 21 seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, keupayaan bekerjasama dengan keanjalan dan penyesuaian, keupayaan menganalisis informasi, komunikasi yang berkesan dan keupayaan untuk bertindak secara inovatif adalah diperlukan jika pendidikan jasmani perlu terus diberi nilai sebagai sebahagian daripada kurikulum asas sekolah (Bailey, 2006). Jika, dalam hakikat sebenarnya pendidikan jasmani boleh dirangkaikan kepada bidang-bidang teras sebegitu, maka kepentingan pendidikan jasmani akan lebih diterima dengan

penuhnya. Bolehkah kita menunjukkan bahawa pendidikan jasmani adalah sama penting dengan bidang-bidang asas lain seperti membaca, menulis dan matematik sebagai keperluan seumur hidup dan keperluan pekerjaan?

Adalah jelas bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan penilaian yang lebih berkesan, menjurus kepada tanggungjawab yang lebih tinggi. Program-program pendidikan jasmani seharusnya menghasilkan data yang boleh menyebabkan usaha-usaha profesion menjadi lebih bertanggungjawab untuk intervensi-intervensi program. Kekurangan tanggungjawab di dalam pendidikan jasmani menghalang program tersebut menjadi sebagai sebahagian daripada sistem penjagaan kesihatan sesebuah komuniti. Satu keperluan yang jelas ialah piawai-piawai prestasi dan cara-cara untuk mengukur impak pendidikan jasmani. Keperluan program-program pendidikan jasmani untuk membolehkan para pelajar menunjukkan kebolehan asas adalah sangat penting di dalam dunia pendidikan yang bertambah piawai. Seperti terdapat keperluan kemajuan kemahiran-kemahiran asas seperti membaca, matematik dan sains, wujud keperluan untuk menjustifikasikan kewujudan program-program pendidikan jasmani. Guru pendidikan jasmani makin diseru untuk menunjukkan keupayaan pelajar di dalam membangun kemahiran-kemahiran untuk mencapai gaya hidup sihat dan aktif.

Kini, kita hidup di zaman bila obesiti dan lebih berat badan, terutama dikalangan kanak-kanak dan remaja, telah menjadi perhatian kesihatan yang utama di peringkat dunia ((International Obesity Task Force, 2009; World Health Organization, 2010). Adalah telah didokumentasikan dengan baik bahawa pola yang dibangunkan semasa kanak-kanak seseorang akan, sebenarnya, diteruskan kepada kehidupan remaja seseorang (Freedman et al., 2007). Kewujudan epidemik obesiti di

kalangan kanak-kanak dan remaja dengan itu menjadi perhatian bagi masa depan polulasi remaja. Cabaran ini adalah kompleks, yang memerlukan pemikiran yang lebih holistik dan berbagai disiplin untuk menangani masalah. Profesional- profesional kesihatan, kesenggangan dan pendidikan jasmani di merata dunia memainkan satu peranan penting untuk merangka strategi-strategi untuk menangani masalah berkenaan. Terdapat keperluan untuk mengguna bentuk baru pedagogi, mengintegrasikan program-program kesihatan dan pendidikan jasmani secara lebih berkesan, menyokong pembangunan gaya hidup yang sihat dan aktif, mencari jalan untuk mengguna teknologi di dalam pengajaran pendidikan jasmani, mengaitkankan aktiviti-aktiviti berasaskan sekolah kepada program-program informal komuniti dan meninjau semula cara penyediaan guru pendidikan jasmani (Edginton et al., 2011)..

Isu-isu di atas juga dialami di Malaysia. Walaupun terdapat bukti-bukti kesan positif aktiviti fizikal ke atas kesihatan individu, ramai individu masih tidak melibatkan diri secara tetap. Untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjadi cergas, Kerajaan Malaysia telahpun memulakan Kempen Kesedaran Kesihatan pada 1999 dengan dana RM22 juta. Kempen tersebut dijadikan acara tahunan dengan tema-tema berbeza bagi setiap tahun. Malangnya, laporan-laporan yang didapati menunjukkan bahawa kempen tersebut tidak mencapai objektifnya (Star, 2009, April 19), kerana 80% orang dewasa di Malaysia tidak bersenam, 30% obes (Star, 2006, April 5) dan 30% lebih berat badan (Star, 2009, April 18). Kempen Bulan Pemakanan Malaysia yang dimulakan pada 2002 juga tidak mencapai hasil yang positif. Satu perempat daripada jumlah 5.24 juta pelajar sekolah rendah dan menengah dijangka menjadi obes menjelang 2020 (Star, 2011, Mei 17). Dan dijangka 25 bagi setiap 100 pelajar sekolah akan mengalami komplikasi kesihatan berkait dengan obesiti. Apabila kedua-dua kempen tidak mencapai

objektif, tanggungjawab yang lebih seharusnya dipikul oleh para pendidik jasmani dan kesihatan. Malangnya Wee (2001) dalam kajian 1637 guru pendidikan jasmani dan kesihatan melaporkan bahawa guru-guru tersebut ‘kurang pengetahuan isi kandungan’, ‘tidak dapat merancang pelajaran’, dan ‘tidak dapat mengawal kelas’. Di samping itu, kebanyakan guru yang mengajar pendidikan jasmani dan kesihatan adalah tidak bertauliah. Wee dan Raj (2010) melaporkan hanya 25.2% daripada 111 orang guru yang dikaji mempunyai latihan dalam pendidikan jasmani dan kesihatan. Wee (2009) turut melaporkan bahawa 62.1% pengetua sekolah sentiasa memaksa guru yang tidak bertauliah untuk mengajar pendidikan jasmani dan kesihatan. Pendeknya, pendekatan implementasi program pendidikan jasmani dan kesihatan dan latihan guru di Malaysia perlu dinilai semula agar masalah kegemukan dan obesiti boleh ditangani dengan lebih berkesan melalui sistem pendidikan nasional.

Perkara-perkara di atas merupakan cabaran-cabaran yang rumit dan kompleks, masalah-masalah dan isu-isu yang memerlukan perspektif yang berbagai dan permintaan meningkat tentang pandangan-pandangan yang sejagat, menggambarkan kaedah-kaedah, strategi-strategi dan prosedur-prosedur yang berjaya dari seluruh dunia. Forum Sedunia Pedagogi Pendidikan Jasmani 2010 (GoFPEP 2010) dibentuk dan distrukturkan untuk meninjau cara pemikiran semula, bentuk semula dan distrukturkan semula pedagogi kesihatan dan pendidikan jasmani serta persiapan guru pendidikan jasmani.

Forum Sejangat Pedagogi Pendidikan Jasmani 2010 (GOFPEP 2010)

Dianjurkan untuk meneliti bentuk baru pedagogi, GOFPEP 2010 menuntut peninjaun semula penggunaan teknologi, cara menggabung jalinan amali kepada teori dan kepentingan pendidikan berasaskan konteks yang tersemat di dalam kehidupan komuniti sebagai satu cara untuk membentuk semula dan mereka bentuk semula pendidikan kesihatan dan jasmani pada masa akan datang. GOFPEP 2010 meneroka beberapa cara asas termasuk: 1) membentuk semula pedagogi kesihatan dan jasmani antarabangsa dengan mempromosikan dialog dan perbincangan ke atas tema-tema dan isu-isu kritikal; 2) meneroka satu model baru pedagogi untuk menyediakan guru-guru pendidikan kesihatan dan jasmani yang menggalakkan tanggungjawab, membina kesihatan komuniti, lebih menggunakan refleksi untuk meningkatkan amalan dan menyemaikan pembelajaran ke dalam amalan; 3) menilai ekstensi pendidikan kesihatan dan jasmani berasaskan program-program sekolah ke dalam kehidupan komuniti; 4) meneliti penggunaan teknologi dalam pendidikan kesihatan dan jasmani; 5) mempromosi pembentukan perkongsian di antara sekolah, komuniti, universiti, organisasi-organisasi bukan kerajaan dan syarikat-syarikat komersial; 6) memikirkan semula pertalian pendidikan kesihatan dan jasmani sebagai strategi untuk mempromosi kehidupan aktif sepanjang hayat; dan 7) menggalakkan pemikiran ke hadapan.

GoFPEP 2010 mengundang suara-suara antarabangsa di dalam satu program dinamik yang dibentuk untuk para pendidik, para professional kesihatan, para pentakbir, para penggubal polisi dan rakyat, untuk membincangkan pedagogi pendidikan jasmani pada masa akan datang. Forum tersebut memberi peluang yang unik untuk peningkatan professional, menarik pakar-pakar pendidikan dan professional yang unggul dari seluruh dunia. GoFPEP 2010 melihat 70 wakil dari

25 buah negara, mewakili 64 buah universiti, institusi dan sekolah, mengambil bahagian di dalam acara tersebut. Para wakil bertemu selama dua hari di dalam suasana format yang intensif, melalui paparan ucap-ucap utama dan persembahan yang diundang dan bengkel-bengkel serta perbincangan berkumpulan.

Matlamat utama GoFPEP 2010 adalah untuk mengukirkan pernyataan konsensus yang berfokus kepada tema 'Pedagogi Pendidikan Kesihatan dan Jasmani di dalam abad ke-21' seperti yang terdapat di dalam Jadual 1. Pernyataan Konsensus tersebut diasaskan di atas dokumen-dokumen lepas seperti Piagam Antarabangsa untuk Pendidikan Jasmani dan Sukan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), yang di terima di Paris pada 1978 (UNESCO, 1978); Agenda Tindakan Berlin bagi Menteri-menteri Kerajaan, diterima di Sidang Kemuncak Dunia Pertama Pendidikan Jasmani pada 1999 (International Council of Sports Science and Physical Education, 1999); dan Komitmen Mangglingen bagi Pendidikan Jasmani yang diluluskan pada 2005 di Switzerland (International Council of Sports Science and Physical Education, 2005). Keunikan GoFPEP 2010 adalah kerana ia tersemat secara mendalam di dalam konteks sebenar sekolah dan persekitaran komuniti. Ini membolehkan dialog dan perbincangan yang berfokus di dalam masa nyata apabila sekolah bermula, memberi peluang membuat analisa tentang cabaran-cabaran, masalah-masalah, isu-isu dan penyelesaian-penyelesaian yang lebih tulen.

Setiap wakil ke GoFPEP 2010 dikehendaki memberi cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah diformatkan sebagai persembahan poster, sebelum acara sebenar bermula. Syor-syor yang dipohon adalah di dalam bidang-bidang berikut: 1) strategi-strategi inovatif yang digunakan di

dalam pengajaran pendidikan kesihatan dan jasmani pada peringkat sekolah rendah, menengah dan/atau menengah atas; 2) pendekatan-pendekatan inovatif yang digunakan di dalam persiapan guru-guru pendidikan kesihatan dan jasmani; dan 3) tiga hingga lima syor-syor yang paling penting yang boleh digunakan untuk merumuskan Pernyataan Konsensus GoFPEP 2010. Maklumat dari kumpulan-kumpulan yang berbincang dan persembahan-persembahan poster telah dianalisis dengan pakej perisian komputer analisis kualitatif Qualrus. Berikutnya, analisis tersebut telah menghasilkan tema-tema yang di tonjolkan di dalam draf terakhir dokumen berkenaan.

Rumusan Komen-komen

Pernyataan Konsensus GoFPEP 2010 telah membekalkan syor-syor dari pelbagai aspek yang berfokus ke atas meningkatkan pedagogi pendidikan jasmani dan persiapan guru-guru pendidikan jasmani. Syor-syor tersebut telah mengemukakan kepentingan gaya-gaya hidup yang sihat dan aktif, menggembelingkan pendidikan kesihatan dan jasmani, menggalakkan amalan-amalan yang terbaik, memajukan pengetahuan dan kemahiran sekitar celik fizikal, penilaian pelajar dan guru dan perkongsian-perkongsian komuniti. Teras Pernyataan Konsensus ini menyeru untuk meningkatkan dan mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan individu. Tindakan dari para pelajar, para pendidik jasmani, profesional kesihatan dan kesenggangan, para penggubal polisi, rakyat dan para pemimpin perniagaan terpanggil untuk membekalkan program-program yang mempromosikan usaha yang komited bagi menangani kerisauan terhadap obesiti sedunia yang kian meningkat dan lebih berat badan di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Rujukan-rujukan

Anon (2006). *The Star*, 5 April 2006.

Anon (2009). *The Star*, 18 April 2009

Anon (2009). *The Star*, 19 April 2009.

Anon (2011). *The Star*, 17 May 2011.

Bailey, R. (2006). Physical education and sport in schools: A review of benefits and outcomes. *Journal of School Health*, 76(8), 397-401.

Bocarro, J., Kanters, M. A., Casper, J., & Forrester, S. (2008). School physical education, extracurricular sports and lifelong active living. *Journal of Teaching of Physical Education*, 27, 155-166.

Edginton, C. R., Kirkpatrick, B., Schupach, R., Philips, C., Chin, M. K., & Chen, P. (2011). A dynamic pedagogy of physical education teacher preparation: Linking practice with theory. *Asian Journal of Physical Education and Recreation*, 16(2), 7-23.

Freedman, D. S., Mei, Z., Srinivasan, S. R., Berenson, G. S., & Dieta, W. H. (2007). Cardiovascular risk factors and excess adiposity among overweight children and adolescents: The Bogalusa heart study. *Journal of Pediatrics*, 150, 12-17.

Hardman, K., & Marshall, J. (2009). *Second world-wide survey of school physical education: Final report*. Berlin: ICSSPE/CIEPSS.

International Council of Sports Science and Physical Education. (1999). *The Berlin agenda for action for government ministers: 1st world summit of physical education*, Retrieved February 13, 2011, from <http://www.icsspe.org/index.php?m=13&n=78&o=41>

International Council of Sports Science and Physical Education. (2005). *Maggingen*

- commitment for physical education: 2nd world summit of physical education*. Retrieved February 1, 2011, from <http://www.icsspe.org/download/documente/deklaration/Maggingen%20Commitment%20for%20Physical%20Education.pdf>
- International Obesity Task Force. (2009). *Obesity: Understanding and challenging the global epidemic. 2009-2010 report* . Retrieved February 13, 2011, from http://www.iaso.org/site_media/uploads/IASO_Summary_Report_2009.pdf
- Jago, R., McMurray, R. G., Bassin, S., Pyle, L., Bruceker, S., Jakicic, J. M., Moe, E., Murray, T., & Volpe, S. L. (2009). Modifying middle school physical education: Piloting strategies to increase physical activity. *Pediatric Exercise Science, 21*(2), 171-185.
- Lund, J. L., & Kirk, M. F. (2010). *Performance-based assessment for middle and high school physical education*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- McKenzie, T., & Kahan, D. (2008). Physical activity, public health, and elementary schools. *The Elementary School Journal, 108*(3), 171-179.
- Puhse, U., & Gerber, M. (2005). *International comparison of physical education: Concepts, problems, prospects*. Oxford: Meyer & Meyer Sport (UK) Ltd.
- UNESCO. (1978). *International chapter of physical education and sport*. Retrieved January 3, 2011, from http://portal.unesco.org/en/ev.phpURL_ID=13150&URL_DO=DO_TOPIC&URL_SECTION=201.html
- Wee Eng Hoe & Raj Subramaniam (2010). Comparing the perceptions on teaching abilities of US and Malaysian physical education teachers: A preliminary study. *Pan-Asian Journal of Sports & Physical Education, 2*, 1, 25-39.
- Wee Eng Hoe (2009). Management and leadership issues in the implementation

of an academic program: A case study of Physical Education Program. *The Journal of Administrative Science*, 6, 2, 27-45.

Wee Eng Hoe (2001). *Attitude of administrators and teachers toward physical education and the implementation of physical education programs in secondary schools*. Ph.D. Thesis, University of Malaya.

World Health Organization. (2010). *Global strategy on diet, physical activity and health: Childhood overweight and obesity*. Retrieved February 9, 2011, from <http://www.who.int/dietphysicalactivity/childhood/en/>

Jadual 1

Forum Sejagat Untuk Pedagogi Pendidikan Jasmani 2010

Pedagogi Pendidikan Kesihatan dan Jasmani di dalam Abad ke-21

SATU PERNYATAAN KONSENSUS

Program-program pendidikan jasmani dalam abad ke-21 boleh merangsang, mendorong, dan menyediakan pelajar untuk hidup di dalam dunia yang sentiasa berubah, semakin dicirikan oleh wabak individu-individu yang obes dan lebih berat badan. Semakin hari, globalisasi, ledakan pengetahuan dan perubahan demografik memberi impak yang signifikan ke atas pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan yang diperlukan untuk hidup, bekerja dan bermain di dalam abad ke-21. Kanak-kanak dan remaja akan diperlukan untuk memperolehi kemahiran-kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, berfungsi dengan keanjalan dan penyesuaian, menganalisis maklumat secara berkesan, berkomunikasi di dalam pelbagai bentuk lisan dan bertulis, membayangkan keinginan tahu, imaginasi dan inovasi yang lebih tinggi di dalam pemikiran mereka dan membangun gaya-gaya hidup sihat dan aktif.

Serata dunia, program-program pendidikan jasmani, serta program-program persiapan guru pendidikan jasmani, perlu ditinjau semula dan dibentuk semula. Forum Sejagat untuk Pedagogi Pendidikan Jasmani dianjurkan oleh Universiti Iowa Utara (USA) dan Pusat Grundy, Sekolah – sekolah Komuniti Iowa (USA) untuk meneliti 1) satu pedagogi baru untuk guru-guru pendidikan jasmani; 2) penggunaan teknologi untuk membantu mengajar pendidikan jasmani; dan 3) pembangunan sekolah, universiti, komuniti dan perkongsian-perkongsian korporat. GoFPEP 2010

telah menarik minat 70 wakil yang dijemput dari 25 buah Negara mewakili 64 buah universiti, sekolah, perniagaan, organisasi komuniti dan organisasi dan persatuan professional.

Pedagogi Pendidikan Kesihatan dan Jasmani dalam Pernyataan Konsensus Abad ke-21 menyeru tindakan para pelajar, para pengajar jasmani, para professional kesihatan dan kesenggangan, para penggubal polisi dan undang-undang, seluruh rakyat dan para pemimpin dari perniagaan dan industri untuk menggalakkan program-program yang mempromosikan suatu usaha yang komited bagi meningkatkan dan mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan individu DENGAN:

Pedagogi Pendidikan Jasmani

- **Memfokus kepada isi kandungan dan kaedah-kaedah untuk membangunkan gaya-gaya hidup yang sihat dan aktif untuk kanak-kanak dan remaja. Ini memerlukan penyatuan pembangunan kemahiran, kecergasan fizikal, kesihatan, pemakanan dan perancangan untuk kesenggangan.**
- **Mereka bentuk semula kurikulum pendidikan jasmani untuk menggalakkan pembelajaran berpusat pelajar yang aktif dan memberi kuasa kepada individu untuk membangunkan kemahiran-kemahiran seumur hidup yang menjurus kepada penglibatan sepanjang hayat, berpusat sendiri di dalam aktiviti fizikal.**
- **Menegaskan kepentingan kerjasama semua pihak yang terlibat di dalam komuniti (para guru, para pentadbir, para ibu bapa, ahli-ahli komuniti, para pemimpin perniagaan dan**

lain-lain) untuk membela, mempromosi, mendidik dan membangunkan individu untuk menggabungkan aktiviti fizikal ke dalam kehidupan harian melalui pendidikan formal dan tak formal.

- Menubuhkan program-program pendidikan jasmani dan kesihatan sebagai model-model keadilan social yang memelihara persekitaran yang selamat, menggalakkan penglibatan dalam aktiviti fizikal yang menyeronokkan dengan menikmati perbezaan-perbezaan budaya, ras, etnik dan social dan ekonomi.
- Menggabungkan pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan sifat-sifat semulajadi pemikiran dan perangai yang diperlukan oleh pelajar Abad ke-21 dengan hasil pembelajaran program seperti kompetensi fizikal (kemahiran dan kecergasan), celik kesihatan dan perancangan kesengangan meliputi kesemua isi kandungan dan bidang-bidang di dalam sekolah.
- Mengguna teknologi untuk menyokong proses pembelajaran dan penilaian yang dikaskan untuk individu.
- Membentuk semula konsep tentang strategi-strategi penilaian dengan matlamat-matlamat dan objektif-objektif berasaskan prestasi yang sesuai dan yang boleh diukur, diasaskan dengan piawai-piawai yang menggalakkan akauntabiliti yang lebih.

- **Memastikan para professional yang bertauliah mengajar pendidikan jasmani dan kesihatan, aktiviti fizikal dan sukan serta kesenggangan**

Penyediaan Guru Pendidikan Jasmani

- **Menitik beratkan penguasaan teknik-teknik dan strategi-strategi pengajaran untuk membantu individu-individu di dalam membangunkan satu gaya hidup sihat dan aktif; satu gaya yang mengiktiraf kepentingan pengintegrasian pendidikan kesihatan dan jasmani**
- **Menyokong polisi-polisi dan continuum program-program yang luas termasuk pemakanan sihat, pengurusan berat badan, aktiviti fizikal dan perancangan kesenggangan**
- **Mewujudkan satu persekitaran berpusatkan pelajar yang positif yang menggambarkan amalan yang unggul untuk menggalakkan para pelajar untuk menjadi para peserta yang aktif di dalam proses pembelajaran**
- **Menggalakkan pembangunan perkongsian dengan para ibu bapa, sekolah-sekolah dan organisasi-organisasi dalam komuniti menanam dan menyediakan elemen-elemen program yang berasaskan konteks, yang meningkatkan penyediaan guru pendidikan jasmani.**

- **Membangun kepekaan bagi peranan seseorang di dalam menangani perbezaan-perbezaan ras, etnik, budaya, tahap sosio ekonomi, tahap pembiayaan, capaian peralatan dan kemudahan, serta pendekatan-pendekatan untuk mengurangkan isu-isu tersebut**
- **Memasukkan strategi-strategi penilaian dan pendidikan yang menyediakan akauntabiliti program, serta sebagai satu focus ke atas proses-proses pendidikan dan hasil pembelajaran individu**
- **Menghubung kaitkan amalan dengan teori, menggalakkan penggunaan refleksi dan menggunakan teknologi yang berkesan untuk menegaskan peluang-peluang pembelajaran**
- **Menghubungkaitkan penilaian para pelajar dalam program-program penyediaan guru pendidikan jasmani kepada pengetahuan, kemahiran yang berkaitan dan tingkahlaku-tingkahlaku yang berkaitan terus dengan amalan unggul**